

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2016

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah betul hutang luar negara telah melebihi 63% dari KDNK. Apakah langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan hutang luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1.

1.

3. Paras hutang luar Malaysia adalah terkawal. Ini adalah disebabkan oleh sebahagian besar daripada hutang luar Malaysia ini adalah pinjaman oleh sektor swasta dan Syarikat Awam Bukan Kerajaan (SABK) untuk dilaburkan di dalam sektor yang produktif (*productive investment*) secara cekap dan efisien (*efficient investment*). Pelaburan ini berupaya memberi pulangan yang tinggi dan meningkatkan keupayaan bayaran balik pinjaman.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir September 2016 adalah sebanyak RM643.6 bilion atau 52.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.5% atau RM620.8 bilion adalah hutang domestik (50.4% daripada KDNK), sementara 3.5% lagi atau RM22.8 bilion (1.8% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

5. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang

Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampun sebarang krisis.

6. Selain daripada itu, bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut sentiasa dipatuhi iaitu:

- Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta

memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;

- Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
- Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan
- Memastikan bahawa hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan sentiasa berada dibawah RM35 bilion. Sehingga akhir September 2016, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM22.8 bilion, jauh lebih rendah daripada had yang dibenarkan dibawah Akta Pinjaman Luar 1963.